

KOMPILASI SOALAN DAN JAWAPAN
SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN BELANJAWAN 2025
PADA 29 OKTOBER 2024

(Dikemaskini sehingga 29 April 2025)

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
BORANG NYATA TERPINDA (BNT)		
1.	Adakah pindaan borang boleh dibuat oleh Agen cukai?	Ya, tertakluk kepada kebenaran diberi oleh pembayar cukai.
2.	Pindaan Sek 77B-BNT : Mohon pengesahan-BNT yang dimaksudkan merujuk kepada pindaan yang adanya cukai tambahan sahaja, betul? Pindaan bagi taksiran kurangan tertakluk kepada prosedur sedia ada, betul?	Pindaan adalah bagi mewajibkan penghantaran BNT secara elektronik kepada semua pembayar cukai. BNT hendaklah dikemukakan dalam tempoh yang ditetapkan dan hanya terpakai kepada yang terdapat cukai atau cukai tambahan sahaja. Bagi tuntutan relif kesalahan atau kesilapan, proses rayuan adalah masih sama di bawah seksyen 131 ACP.
CUKAI KEUNTUNGAN HARTA TANAH (CKHT)		
3.	"Tempoh bayaran taksiran disifatkan untuk CKHT telah dipinda daripada 60 hari ke 90 hari. Adakah ini juga applicable untuk pembayaran retention sum 3%?"	Tidak, tempoh pemeroleh dikehendaki untuk memegang simpan dan membayar amaun balasan di bawah seksyen 21B tidak berubah iaitu dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.
4.	Tarikh untuk submit borang CKHT adakah masih 60 hari seperti biasa atau 90 hari seperti tarikh bayaran CKHT yang telah dipinda?	Ya, tempoh pengemukaan Borang Nyata CKHT masih kekal iaitu dalam tempoh 60 hari dari tarikh pelupusan.
5.	CKHT: jika terdapat dua pelupusan: kedua-dua mempunyai kerugian. Ada tak kedua-dua kerugian tersebut boleh dicampur sekali dan bawa ke tahun depan?	Kerugian daripada pelupusan sesuatu aset yang tidak dapat ditolak daripada keuntungan pelupusan berikutnya dalam tahun semasa boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga habis diserap.
6.	Referring to RPGT slide 46 on the losses from disposal to be claim against subsequent disposals, is this applicable for disposals of landed properties and also disposal of shares in RPC?	Ya, ianya terpakai kepada pelupusan aset yang boleh dikenakan cukai iaitu harta tanah dan saham syarikat harta tanah (SHT) juga.
7.	RPGT payment period is extended from 60 days to 90 days from disposal date, if the SPA settlement period is 3 months, when to	Mulai 1.1.2025, tempoh pembayaran adalah 90 hari dari tarikh pelupusan. Tarikh pelupusan merujuk kepada tarikh perjanjian bertulis.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	calculate the 90 days payment period?	Sekiranya perjanjian adalah kontrak bersyarat menurut perenggan 16 Jadual 2 ACKHT (memerlukan kelulusan Kerajaan atau Kerajaan Negeri), maka tarikh pelupusan adalah berdasarkan kepada tarikh kelulusan yang dikeluarkan bagi pelupusan tersebut.
8.	Refer to the slide 46, losses from disposals can be claimed against subsequent disposals within the same YA. Means claim the loss in 2nd disposal in the same year?	Ya, kerugian suatu pelupusan hanya boleh ditolak daripada keuntungan pelupusan yang terakru selepas pelupusan yang berlaku kerugian tersebut dalam tahun taksiran yang sama.
CUKAI KEUNTUNGAN MODAL (CKM)		
9.	What is the difference in between relevant and non-relevant company? Is it only relevant company needed to pay corporate tax? Thanks	Di bawah seksyen 15C ACP, keuntungan pelupusan saham dalam syarikat terkawal yang diperbadankan di luar Malaysia (syarikat relevan) dianggap terbit daripada Malaysia dan tertakluk kepada CKM sekiranya syarikat relevan tersebut memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia atau saham dalam syarikat terkawal lain atau kedua-duanya.
10.	Adakah stok akhir unit yang disediakan bagi pemaju perumahan diambilkira sebagai nilai harta tanah dalam pengiraan penentuan 75% nilai tertentu harta tanah?	Ya.
11.	If co becomes non relevant co, what will be acquisition date and price of the shares?	Tarikh dan harga pemerolehan saham seksyen 15C ACP yang telah diperolehi tidak berubah walaupun terdapat perubahan status syarikat daripada merupakan sebuah syarikat relevan kepada bukan syarikat relevan.
12.	As per illustration 5, what if A Sdn Bhd (DV/TTA < 75%) and B Sdn Bhd (DV/TTA < 75%)? What is the impact on the disposal of shares?	Sekiranya NT/JAK syarikat A Sdn Bhd dan B Sdn Bhd kedua-duanya adalah kurang daripada 75%, maka YZ Ltd bukan syarikat relevan. Oleh itu pelupusan saham oleh X Sdn Bhd tidak tertakluk di bawah seksyen 15C ACP.
13.	Berdasarkan Ilustrasi 5 untuk cadangan Subsection 15C(5), another controlled company - B Sdn Bhd, boleh terangkan apakah	YZ Ltd dianggap sebagai syarikat relevan kerana pemegangan saham dalam A Sdn Bhd yang merupakan syarikat terkawal lain menjadikan NT/JAK YZ Ltd > 75%.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	pengaruh B Sdn Bhd kepada YZ Ltd?	A Sdn Bhd adalah sebuah syarikat terkawal lain disebabkan pemegangan saham dalam B Sdn Bhd (syarikat terkawal lain) yang menjadikan NT/JAK A Sdn Bhd >75%.
14.	Rujuk Ilustrasi 3 - Jika NT/JAK > 75% disebabkan oleh pelupusan asset selain harta tanah atau saham iaitu pelupusan mesin-mesin misalnya, maka syarikat akan menjadi syarikat relevan atau tidak?	Penentuan status syarikat relevan ditentukan melalui pemerolehan atau pelupusan harta tanah atau saham syarikat relevan lain atau kedua-duanya sahaja.
15.	If A Ltd acquire the shares of B Ltd in 2025 which had owned C SdnBhd (with land <75% NTA) since 2024, do we need to retest the 75% NTA ratio of C SdnBhd (based on MV in 2025) on date of acq for 15C?	Tidak, penentuan status syarikat relevan ditentukan melalui pemerolehan atau pelupusan harta tanah atau saham syarikat relevan lain atau kedua-duanya.
16.	Merujuk kepada subseksyen 15C(5), contoh 5, kami hanya perlu rujuk pegangan saham sehingga B Sdn Bhd ataupun kena merujuk kepada C Sdn Bhd atau lain syarikat juga	Sekiranya B Sdn Bhd masih belum memenuhi syarat NT/JAK 75% ke atas, terdapat keperluan untuk melihat nilai NT/JAK C Sdn Bhd dan seterusnya.
DIVIDEN		
17.	Apakah mekanisme cukai 2% ke atas pendapatan dividen melebihi RM100,000? adakah ia akan melalui cukai pegangan atau pengisytiharan sendiri?	Pelaporan pendapatan dividen yang melebihi RM100,000 yang diterima oleh individu dibuat melalui pengemukaan BNCP dan tidak melibatkan cukai pegangan.
18.	Untuk individu tidak bermastautin, adakah cukai dividen ini cukai pegangan atau individu tidak bermastautin perlu memfailkan penyata cukai?	Pembayar cukai bukan pemastautin perlu mengemukakan BNCP bagi bukan pemastautin (Borang M) bagi melaporkan pendapatan dividen yang diterima.
19.	Cukai atas dividen, ada perbelanjaan layak dipotongkah?	Perbelanjaan yang dilakukan kesemua dan semata-mata dalam menghasilkan pendapatan dividen adalah dibenarkan potongan dalam mengira pendapatan berkanun dividen. Sebagai contoh, faedah yang dibayar atas pembiayaan untuk memperoleh saham syarikat yang membayar dividen adalah dibenarkan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
20.	On taxation of dividend income, do we tax it in the year the dividend is declared or in the year the dividend is paid? Eg declaration in 1/12/2024 but payment made in 5/1/2025.	Dividen yang tertakluk kepada Cukai Dividen adalah dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan mulai tahun taksiran 2025. Berdasarkan contoh ini, dividen yang dibayar pada 5.1.2025 adalah termasuk dalam pendapatan dividen yang layak dikenakan Cukai Dividen kepada individu sekiranya keseluruhan pendapatan dividen yang diterima dalam tahun taksiran 2025 melebihi RM100,000.
21.	Adakah pembahagian untung dari Perkongsian Labiliti Terhad tertakluk kepada 2%.	Agihan keuntungan daripada Perkongsian Liabiliti Terhad tidak tertakluk kepada Cukai Dividen.
22.	Is dividend tax based on calendar year and date of payment? For example. dividend income received on 1 Jan 2025 for financial year ended 30 Nov 2024.	Dividen dikenakan cukai mengikut tarikh pembayaran dividen oleh syarikat kepada individu. Dalam contoh yang diberikan, dividen dikenakan cukai bagi TT 2025 sekiranya keseluruhan pendapatan dividen yang diterima melebihi RM100,000.
23.	Dividen dibayar oleh syarikat sdn bhd kepada pemegang saham tertakluk kepada cukai 2%? Kerana keuntungan tersebut telah dicukaikan melalui pendapatan Syarikat	Cukai Dividen dikenakan ke atas dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada individu yang melebihi RM100,000.
24.	Is the dividend/distribution received from company under liquidation process subject to 2% tax?	Ya, apa-apa dividen yang dibayar, dikreditkan atau diagihkan kepada individu yang melebihi RM100,000 termasuk dividen daripada syarikat di bawah proses pembubaran adalah tertakluk kepada Cukai Dividen.
25.	How to differentiate the income distribute from pioneer status/RA?	Setiap syarikat yang menikmati insentif taraf perintis/elaun pelaburan semula (RA) perlu menyediakan akaun berasingan ke atas pendapatan yang menikmati insentif tersebut. Dividen yang diagihkan daripada pendapatan yang menikmati insentif taraf perintis/RA akan dilaraskan di dalam akaun berasingan tersebut.
26.	Dividene tax 2% for the dividend income more than RM100,000... example: total dividend income is RM150,000. The first 100,000	Ya. Pendapatan dividen RM100,000 pertama akan dikecualikan manakala baki

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	enjoy the exemption and the remaining RM50,000 subject to 2% dividend tax?	RM50,000 adalah tertakluk kepada pengenaan Cukai Dividen.
27.	Dividen dari tahun kewangan 31/12/2024 dibayar 30/6/25 (a) 200,000 dibayar kepada 2 shareholder (b) 150,000 dibayar kepada 2 shareholder, adakah situasi di atas tertakluk kpd 2% dividend income?	Sekiranya pemegang saham adalah seorang individu, amaun dividen yang diterima pada 30.6.2025 tersebut adalah tertakluk kepada Cukai Dividen bagi TT 2025 ke atas amaun dividen yang melebihi RM100,000.
28.	Adakah dividen daripada luar negara (FSI sehingga TT2026) merujuk kepada dividen yg diterima oleh syrkt Malaysia yg akn diagihkan kepada individu?	Pendapatan dividen yang diterima oleh individu daripada syarikat luar negara tidak dikenakan cukai di Malaysia dengan syarat pendapatan dividen tersebut telah dikenakan cukai di luar negara. Pengecualian cukai ini terpakai mulai 1.1.2022 sehingga 31.12.2036 (P.U. A 541/2024).
DUTI SETEM		
29.	Is the RM10 fixed stamp duty for Shariah loan only cover the purchase of goods under the First Schedule of Hire Purchase Act? Or can be for other goods as well?	Pengenaan duti RM10 untuk pembelian barangan menurut prinsip syariah hanya bagi barangan yang disenaraikan dalam Akta Sewa Beli 1967 sahaja.
30.	Untuk Akta Setem - perlukah Letter of Appointment (LOA) perlu di setemkan? Jadi jika ada staff baru dan syarikat minta dia tandatangan LOA ini juga perlu buat stamping	Surat cara LOA masih tertakluk kepada duti setem dan kadar duti bergantung kepada kandungan surat cara.
31.	Boleh explain semula maksud tarikh tafsiran disifatkan	Bagi tujuan akta setem, tarikh taksiran disifatkan merujuk kepada tarikh surat cara dan penyata dikemukakan kepada Pemungut dalam tempoh ditetapkan. Penyata yang dikemukakan itu disifatkan sebagai suatu taksiran dan bayaran perlu dibayar pada tarikh tersebut. Sijil setem akan dikeluarkan sebaik sahaja bayaran dibuat.
32.	Adakah setiap perjanjian mesti buat stamping? Eg. Perjanjian Sewa kedai yg tak buat stamping boleh?	Setiap surat cara atau perjanjian yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 adalah tertakluk kepada duti setem dan perlu disetemkan mengikut

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		kadar yang ditetapkan di dalam Jadual. Perjanjian sewa kedai adalah dikenakan duti di bawah Butiran 49 Jadual Pertama.
33.	For inter companies agreements which are internal documents, can the company choose not to stamp?	Setiap surat cara atau perjanjian yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 adalah tertakluk kepada duti setem dan perlu disetamkan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Jadual.
34.	Utk surat kuasa wakil (Powers of Attorney), maksud pemindahan dgn balasan, adakah perlu nilai balasan dinyatakan dengan jelas dalam dokumen PA? Atau cukup dgn "given with valuable consideration"?	Duti <i>ad valorem</i> ke atas PA boleh dikenakan dengan balasan yang dinyatakan secara jelas ataupun hanya dinyatakan sebagai balasan berharga. Sekiranya terdapat nilai balasan yang jelas, duti adalah tertakluk kepada penilaian oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta (JPPH), yang mana lebih tinggi. Sekiranya tiada nilai dinyatakan, duti adalah bergantung kepada penilaian JPPH pada tarikh PA tersebut.
35.	The RM10 stamp duty extended to the Shariah non-HP goods. Does it mean any Shariah financing for purchase of any goods will only attract RM10?	Pengenaan duti RM10 untuk pembelian barangan menurut prinsip syariah hanya bagi barangan yang disenaraikan dalam Akta Sewa Beli 1967 sahaja.
36.	Pertukaran tanah m/s 61, adakah akan keluar pop-up di STAMPS utk PC lapor juga di CKHT? Kerana di CKHT biasanya PC laporkan pelupusan tanpa balasan, walhal ada nilai balasan jika ikut spt Contoh 1 m/s60	Tiada notifikasi disediakan di dalam sistem buat masa ini, namun kewajipan untuk mengemukakan Borang CKHT masih terpakai dan perlu dipatuhi bagi pelupusan melalui pertukaran tanah ini.
37.	Pertanyaan berkenaan pindaan Seksyen 20A AS 1949.. berkuatkuasa 1/1/2025 jika ada permohonan pertukaran tanah yg mempunyai balasan atau tidak mempunyai balasan, adakah kesemua kes perlu dihantar JPPH?	Kesemua kes perlu dihantar ke JPPH untuk penilaian sama ada balasan dinyatakan ataupun tidak.
38.	Rentetan pindaan Seksyen 20A AS 1949 berkenaan pertukaran harta tanah juga..tarikh kuatkuasa 1/1/2025 adalah melibatkan tarikh suratcara atau tarikh permohonan adjudikasi..	Tarikh permohonan adjudikasi.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
39.	For inter companies agreements which are internal, can the companies choose not to stamp them? Any penalty ?	Setiap surat cara atau perjanjian yang tersenarai dalam Jadual Pertama Akta Setem 1949 adalah tertakluk kepada duti setem dan perlu disetamkan mengikut kadar yang ditetapkan di dalam Jadual.
e-INVOIS		
40.	Access to E-invoice TIN will be available 1/1/2025. In the event, the customer is still not yet register for tax file. Can lrb suggest what can tax payer (supplier) do?	Pembayar cukai boleh terus akses aplikasi e-Daftar di Portal MyTax iaitu https://mytax.hasil.gov.my bagi tujuan pendaftaran.
41.	New capital allowance rate must be for the purpose of implementing e-invoice? Tax payer need to prove?	Ya, pembayar cukai perlu membuktikan kelayakan dan tuntutan.
42.	Changes to the CA rate for ICT equipment applicable to purchase of all ICT equipment or limited to ICT equipment used for e-invoice implementation only	Terpakai kepada kelengkapan teknologi maklumat dan komunikasi bagi pelaksanaan e-invois sahaja yang mematuhi garis masa dan kaedah pengeluaran invois elektronik yang ditetapkan serta tidak menikmati apa-apa kelonggaran yang diberikan oleh LHDNM dalam tempoh 6 bulan tempoh kelonggaran.
43.	Dinyatakan tadi pengenaan cukai dari pendapatan dividen 2%. Dalam garis panduan umum e-invois para 16.8, ada dinyatakan dividen adalah dikecualikan dari e-invois. Boleh puan bagi pencerahan lanjut?	Garis panduan e-invois adalah bagi penerangan skop pemakaian berhubung pelaksanaan e-invois dan pengecualian pemakaian yang dinyatakan di dalam Garis Panduan tersebut juga adalah berkaitan kewajipan mengeluarkan e-invois bagi suatu transaksi. Di bawah Perenggan 11.1.2, bagi maksud pelaksanaan e-invois, pembayar (syarikat) tidak perlu mengemukakan e-invois kepada LHDNM bagi mana-mana dividen di bawah <i>single tier</i>. Jadi, garis panduan e-invois tersebut tidak terpakai bagi pelaksanaan Cukai Dividen. Pengecualian daripada kewajipan mengeluarkan e-invois adalah berbeza dengan pengenaan Cukai Dividen.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - FAEDAH PINJAMAN RUMAH KEDIAMAN PERTAMA		
44.	Pelepasan faedah beli rumah - adakah terpakai utk pinjaman melalui LPPSA?	Ya, potongan cukai atas faedah pinjaman rumah kediaman pertama turut terpakai kepada pinjaman yang dibuat melalui

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
		Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA).
45.	Let say Mr Z had a property joint name with wife which was purchased 10 years ago. In year 2025, he plan to buy another house under his name. is he qualifying for the relief?	Hanya rumah kediaman pertama sahaja boleh dituntut potongan cukai bagi faedah kepada pinjaman yang dibayar, sama ada dibeli secara gabung nama atau atas nama sendiri.
46.	A person got one house giving by parents, is that person still qualify for first residential property interest tax relief if he purchase another new house for personal living purpose ?	Ya, orang itu layak untuk pembelian rumah kediaman pertama yang dibeli olehnya. Ini kerana pemberian kasih sayang tidak memenuhi maksud pembelian rumah kediaman.
47.	Formula kiraan interest loan utk lebih dr 2 orang, merujuk kepada amount perbelanjaan stp individu. Dalam satu bank loan statement hanya ada 1 amount. Apakah dokumen utk pembahagian amaun perbelanjaandivid	Pengiraan faedah pinjaman untuk peminjam lebih dari seorang dalam perjanjian pinjaman akan ditentukan melalui formula yang akan dijelaskan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan kelak.
48.	Sekiranya harga rumah dibeli melebihi RM750k, berapakah had pelepasan bagi faedah pinjaman rumah?	Had pelepasan cukai terhad kepada harga rumah maksimum RM 750,000 yang melayakkan potongan cukai sebanyak RM5,000. Sehubungan itu, sekiranya harga rumah melebihi RM750,000, maka pembayar cukai tidak layak menuntut potongan cukai atas faedah pinjaman perumahan.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU - SKIM SIMPANAN PENDIDIKAN NASIONAL (SSPN)		
49.	SSPN - adakah penjaga bagi anak yatim layak menuntut SSPN bagi deposit ke akaun yang dibuka atas nama penjaga dan anak yatim tersebut ?	Tidak layak melainkan untuk anak angkat atau anak tiri.
50.	Berkaitan pengeluaran SSPN untuk tujuan pembelajaran. Apakah dokumen yang perlu disediakan oleh pembayar cukai bagi membuktikan pengeluaran tersebut?	Sebagai contoh, surat tawaran melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi berkenaan boleh dijadikan dokumen sokongan.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
51.	Salam Puan. Berkenaan dengan SSPN, sekiranya ibu dan bapa (masih bersama dan taksiran berasingan) membayar RM4,000 setiap seorang untuk seorang anak, bagaimana dan berapakah tuntutan yang boleh dibuat	Tuntutan sebanyak RM4,000 dibenarkan kepada sama ada ibu atau bapa sahaja.
PELEPASAN CUKAI INDIVIDU YANG LAIN		
52.	Apa jenis vaksin yang boleh menuntut pelepasan?	Senarai vaksin yang boleh dituntut di bawah perenggan 46(1)(c) adalah tidak terhad manakala vaksin di bawah perenggan 46(1)(g) adalah lebih spesifik.
53.	Apakah dokumen/ bagaimana utk pastikan perbelanjaan kesihatan yg dibuat oleh individu kepada datuk & nenek?	Bagi membuktikan rawatan telah dijalankan kepada datuk dan nenek, individu perlu menyimpan resit rawatan yang dikeluarkan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MPM) atau pengamal pergigian yang berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia bagi mengesahkan bahawa keadaan kesihatan datuk dan nenek memerlukan rawatan berkenaan.
54.	Macam mana boleh bukti ini datuk nenek saya	Pembuktian boleh dibuat melalui sijil kelahiran ibu bapa.
55.	Boleh jelaskan apa jenis untuk Keperluan khas bagi ibu bapa? Bolehlah Rawatan biasa seperti demam boleh dituntut Di bawah Rawatan perubatan bagi ibu bapa?	Contoh keperluan khas bagi ibu bapa adalah lampin, kerusi roda dan nebulizer. Contoh senarai keperluan khas ini boleh dirujuk di dalam Lampiran 1, Ketetapan Umum No.6/2023 dan boleh meliputi peralatan lain yang ditentukan oleh pengamal perubatan yang berdaftar dengan MPM. Selain itu, rawatan biasa seperti demam boleh dituntut sebagai rawatan perubatan bagi ibu bapa.
56.	berapa limit claim utk mesin kompos sisa makanan	Amaun yang layak adalah RM2,500 tetapi ianya tertakluk kepada jumlah keseluruhan perbelanjaan termasuk kenderaan elektrik (EV) dan mesin kompos sebanyak RM2,500.
57.	Adakah deduktibel yang dibayar oleh pemegang polisi takaful untuk mendapatkan rawatan penyakit serius dikira dalam skop	Kos rawatan ke atas penyakit serius yang dibayar di dalam skop pembayaran bersama (co-payment) layak dituntut terhad

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
	pembayaran bersama dan layak dituntut dibawah pelepasan 10K tersebut?	kepada RM10,000 di bawah perenggan 46(1)(g).
58.	Employers providing paid leave for carer- does this has to be supported by medical cert from medical practitioner?	Perincian berhubung insentif ini akan dijelaskan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan kelak.
59.	Adakah bayaran medical-Insurance individu dgn ciri co-payment dibenarkan utk pelepasan?	Ya, bayaran premium ke atas polisi insurans yang mempunyai ciri-ciri <i>co-payment</i> boleh dituntut sebagai pelepasan di bawah subseksyen 49(1B).
60.	For expansion of scope of healthcare and carer espenses under para 46(1)(c) & 46(1)(u) is there any limit of grandchild that can claim for the same grandparent?	Tiada had bilangan cucu (pembayar cukai) yang boleh menuntut di bawah perenggan 46(1)(c) dan (u).
RAYUAN DI BAWAH PERENGGAN 12 JADUAL 5 ACP		
61.	Tempoh 6 bulan untuk pinda alasan rayuan dalam Borang Q adakah bermula dari point Jabatan Resolusi Pertikaian (DRP) forward Borang Q kepada PKCP untuk mendaftarkan kes tersebut?	Ya. Tempoh 6 bulan adalah dari tarikh borang Q didaftarkan di PKCP dan pemakluman pemfailan diserahkan kepada pembayar cukai.
INSENTIF		
62.	What is the term & condition for 50% tax reduction on cost expenses for employers implementing flexible work arrangement?	Perincian berhubung insentif ini akan dijelaskan di dalam perundangan subsidiari yang akan diwartakan kelak.
63.	For incentive - employers providing paid leave for carer, means employer will enjoy tax deduction of 150% for salary paid for the paid leave? Include all epf, socso, allowances etc paid too?	Potongan tambahan 50% adalah terpakai kepada gaji yang dibayar sebagai kemudahan cuti penjagaan berbayar.
NO. PENGENALAN CUKAI (TAX IDENTIFICATION NUMBER (TIN))		
64.	TIN- proposed enabling access to other parties. Is the taxpayer able to view who are the parties that have viewed their TIN ?	Tidak. Penyediaan platform adalah bertujuan untuk memudahkan pihak lain mendapatkan TIN mana-mana orang bagi transaksi yang memerlukan TIN.

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
65.	How would others able to access to TIN? The mechanism of it	Platform bagi akses TIN oleh pembayar cukai akan disediakan oleh LHDNM. Pemakluman kepada pembayar cukai apabila platform tersebut sedia diakses
66.	Re TIN for RPGT. Whether a minor (age below 18) is required to register for TIN in order to file Form CKHT?	<i>Minor</i> tidak boleh memfailkan Borang CKHT dan tiada keperluan untuk TIN.